

**D.R. 34/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG PEMINDAHAN  
ANTARABANGSA BANDUAN 2012**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Perintah Menteri

**BAHAGIAN II**

**PEMINDAHAN**

5. Kelayakan bagi pemindahan dari Malaysia
6. Kelayakan bagi pemindahan ke Malaysia
7. Syarat bagi pemindahan

**BAHAGIAN III**

**PEMINDAHAN DARI MALAYSIA**

8. Pertimbangan awal bagi permohonan untuk pemindahan dari Malaysia
9. Permohonan untuk pemindahan dari Malaysia
10. Waran bagi pemindahan dari Malaysia

**BAHAGIAN IV**

**PEMINDAHAN KE MALAYSIA**

11. Permohonan untuk pemindahan ke Malaysia
12. Waran bagi pemindahan ke Malaysia
13. Pendaftaran waran atau perintah yang dikeluarkan di Negara asing yang ditetapkan

*Rang Undang-Undang***BAHAGIAN V****PENGUBAHAN DAN PEMBATALAN WARAN***Fasal*

14. Pengubahan waran bagi pemindahan
15. Pembatalan waran bagi pemindahan

**BAHAGIAN VI****PENGUATKUASAAN HUKUMAN**

16. Penguatkuasaan hukuman
17. Tempoh yang dihabiskan dalam tahanan berkaitan dengan hukuman pemerjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara

**BAHAGIAN VII****AM**

18. Pengampunan, peringangan, dsb. hukuman
19. Kos
20. Pewakilan
21. Peraturan-peraturan

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.  
  
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

2. Akta ini terpakai bagi banduan yang dihukum oleh mahkamah yang ditubuhkan oleh atau di bawah Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan atau seksyen 3 Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], atau oleh mahkamah Negara asing yang ditetapkan yang mempunyai bidang kuasa yang serupa.

## **Tafsiran**

**3.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“banduan” ertinya seseorang yang sedang menjalani hukuman pemerintahan atau berada dalam tahanan di penjara menurut perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah, termasuklah—

- (a) banduan yang dilepaskan dengan parol; dan
- (b) orang sedemikian yang di bawah umur lapan belas tahun;

“Ketua Pengarah Penjara” ertinya Ketua Pengarah Penjara yang dilantik di bawah subseksyen 10(1) Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi penjara dan banduan;

“Negara asing yang ditetapkan” ertinya Negara asing yang diisyiharkan oleh Menteri, melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen 4, sebagai Negara asing yang ditetapkan;

“pihak berkuasa berkenaan” ertinya seseorang atau pihak berkuasa di mana-mana Negara asing yang ditetapkan yang Menteri berpuas hati ia diberikan kuasa di bawah undang-undang Negara asing yang ditetapkan itu sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pemindahan banduan ke dan dari Negara itu.

## **Perintah Menteri**

**4.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisyiharkan suatu Negara asing sebagai Negara asing yang ditetapkan jika terdapat suatu triti atau perjanjian lain yang berkuat kuasa antara Malaysia dan Negara asing itu, yang di bawahnya Negara asing itu telah bersetuju untuk mengadakan peruntukan tentang pemindahan banduan ke dan dari Malaysia.

(2) Perintah di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Negara asing itu tertakluk kepada apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan dalam keadaan itu peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

(3) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa triti atau perjanjian lain yang disebut dalam perintah itu mematuhi Akta ini, dan bahawa Akta ini adalah terpakai bagi Negara asing yang ditetapkan yang disebut dalam perintah itu.

(4) Kesahan perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

(5) Menteri boleh melalui suatu perintah kemudiannya mengubah atau membatalkan mana-mana perintah yang dibuat sebelum ini di bawah seksyen ini.

## BAHAGIAN II

### PEMINDAHAN

#### **Kelayakan bagi pemindahan dari Malaysia**

**5.** (1) Seseorang banduan layak untuk dipindahkan dari Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan jika banduan itu adalah warganegara Negara itu atau mempunyai hubungan komuniti dengan Negara itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, seseorang banduan mempunyai hubungan komuniti dengan sesuatu Negara asing yang ditetapkan jika—

- (a) tempat tinggal utama banduan itu sebaik sebelum dijatuhkan hukuman pemenjaraan di Malaysia adalah di dalam Negara asing yang ditetapkan itu;
- (b) ibu, bapa, datuk, nenek atau anak banduan itu mempunyai tempat tinggal utama di dalam Negara asing yang ditetapkan itu; atau
- (c) banduan itu telah berkahwin dengan mana-mana orang yang mempunyai tempat tinggal utama di dalam Negara asing yang ditetapkan itu.

#### **Kelayakan bagi pemindahan ke Malaysia**

**6.** Seseorang banduan layak untuk dipindahkan ke Malaysia dari suatu Negara asing yang ditetapkan jika banduan itu adalah warganegara Malaysia.

### **Syarat bagi pemindahan**

**7.** (1) Syarat bagi pemindahan seseorang banduan ke atau dari Malaysia adalah dipenuhi jika—

- (a) hukuman pemenjaraan atau perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah yang mengenakan suatu tempoh pemenjaraan ke atas banduan itu tidak tertakluk kepada rayuan ke mana-mana mahkamah atau tribunal;
- (b) tindakan atau peninggalan yang merupakan kesalahan yang menyebabkan banduan itu menjalani hukuman di dalam Negara yang menjatuhkan hukuman itu, jika tindakan atau peninggalan itu berlaku di dalam Negara yang kepadanya pemindahan diminta, juga merupakan suatu kesalahan di dalam Negara itu melainkan jika Menteri dan pihak berkuasa berkenaan bersetuju selainnya;
- (c) pada masa permohonan bagi pemindahan dibuat sekurang-kurangnya enam bulan daripada hukuman banduan itu masih belum dijalani, tanpa mengambil kira sama ada banduan itu telah dilepaskan atas parol atau selainnya, dengan syarat Menteri dan pihak berkuasa berkenaan boleh menentukan suatu tempoh yang lebih singkat;
- (d) Menteri dan pihak berkuasa berkenaan telah memberikan keizinan mereka bagi pemindahan itu;
- (e) keizinan banduan telah diperoleh, jika keizinan itu dikehendaki oleh triti atau apa-apa perjanjian lain antara Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan, atau mana-mana triti atau perjanjian lain yang Malaysia atau Negara asing yang ditetapkan menjadi pihak; atau
- (f) apa-apa kehendak lain yang dipersetujui antara Malaysia dan Negara yang ditetapkan telah dipenuhi, termasuk syarat yang diperuntukkan dalam atau dibuat di bawah mana-mana triti atau perjanjian antara Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan.

(2) Bagi pemindahan banduan ke atau dari Malaysia, Menteri boleh menolak permohonan bagi pemindahan atau tidak memberikan keizinannya bagi pemindahan itu jika—

- (a) banduan itu telah dijatuhi hukuman mati;
- (b) pemindahan itu akan menjelaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam perlu yang lain bagi Malaysia;

- (c) pemindahan banduan itu akan mengenakan tanggungan beban yang berlebihan ke atas sumber kewangan Malaysia; atau
- (d) pemindahan itu akan menghendaki langkah-langkah yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis diambil.

BAHAGIAN III  
PEMINDAHAN DARI MALAYSIA

**Pertimbangan awal bagi permohonan untuk pemindahan dari Malaysia**

**8.** (1) Jika Menteri berhasrat untuk memohon untuk memindahkan banduan ke suatu Negara asing yang ditetapkan—

- (a) Menteri hendaklah memaklumkan Negara asing yang ditetapkan itu tentang hasrat Malaysia untuk memohon untuk memindahkan banduan itu ke Negara asing yang ditetapkan itu; dan
- (b) Menteri hendaklah meminta Negara asing yang ditetapkan itu untuk memberikan pandangan awalnya ke atas permohonan itu, termasuklah kaedah bagaimana hukuman pemenjaraan itu berkemungkinan akan dikuatkuasakan oleh Negara asing yang ditetapkan itu jika, berikutan permohonan rasmi untuk pemindahan, Negara asing yang ditetapkan itu mengizinkan pemindahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh memberikan Negara asing yang ditetapkan—

- (a) butiran tentang apa-apa permintaan bagi ekstradisi banduan itu yang telah dibuat di bawah Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479] atau minat mengenai ekstradisi yang dinyatakan oleh Negara lain atau mana-mana Negara yang, pada pendapat Menteri, berkemungkinan mempunyai hasrat untuk mengekstradisi banduan itu; atau
- (b) apa-apa maklumat lain yang difikirkan oleh Menteri boleh membantu Negara asing yang ditetapkan dalam memberikan pandangan awalnya ke atas cadangan pemindahan itu.

**Permohonan untuk pemindahan dari Malaysia**

**9.** (1) Permohonan untuk memindahkan banduan dari Malaysia boleh dibuat—

- (a) oleh Menteri kepada pihak berkuasa berkenaan Negara asing yang ditetapkan; atau
- (b) oleh pihak berkuasa berkenaan Negara asing yang ditetapkan kepada Menteri.

(2) Permohonan untuk pemindahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi pemindahan di bawah seksyen ini hendaklah disertakan dengan—

- (a) apa-apa dokumen yang dipersetujui oleh Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan bagi maksud itu; dan
- (b) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang difikirkan berkaitan dengan permohonan itu dan yang boleh diberikan dengan sewajarnya.

(4) Menteri boleh memberitahu banduan atau wakil banduan tentang perkiraan bagi pemindahan itu.

**Waran bagi pemindahan dari Malaysia**

**10.** (1) Menteri boleh, jika seseorang banduan layak untuk dipindahkan di bawah subseksyen 5(1) dan syarat pemindahan di bawah seksyen 7 telah dipenuhi, mengeluarkan waran bagi pemindahan dalam borang yang ditetapkan oleh Menteri yang membenarkan pemindahan banduan itu dari Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan waran bagi pemindahan dari Malaysia diserahkan kepada Ketua Pengarah Penjara.

(3) Apabila mengeluarkan waran bagi pemindahan dari Malaysia, Menteri hendaklah mengambil kira sama ada atau tidak banduan itu ialah subjek mana-mana permintaan ekstradisi.

(4) Waran bagi pemindahan dari Malaysia hendaklah disifatkan sebagai kuasa yang mencukupi bagi membolehkan Ketua Pengarah Penjara untuk menghantar banduan itu kepada mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang akan menerima banduan itu.

(5) Suatu waran bagi pemindahan dari Malaysia membenarkan banduan dari Malaysia untuk meneruskan penjalanan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara di Negara asing yang ditetapkan mengikut triti atau perjanjian lain antara Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan itu.

(6) Jika banduan itu dilepaskan atas parol, waran bagi pemindahan dari Malaysia—

- (a) hendaklah menyatakan apa-apa kelulusan, pemberian kuasa, kebenaran atau pengubahan kepada parol atau apa-apa perintah lain yang telah dibuat di bawah undang-undang Malaysia; dan
- (b) hendaklah menyatakan apa-apa tatacara bagi pemindahan banduan ke Negara asing yang ditetapkan yang telah dipersetujui dengan Negara asing yang ditetapkan itu dan pemberian kuasa serta arahan yang perlu.

(7) Kesan pengeluaran waran bagi pemindahan dari Malaysia ialah penggantungan penguatkuasaan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara di Malaysia.

#### BAHAGIAN IV

#### PEMINDAHAN KE MALAYSIA

#### **Permohonan untuk pemindahan ke Malaysia**

**11.** (1) Suatu permohonan untuk memindahkan banduan ke Malaysia boleh dibuat—

- (a) oleh Menteri kepada pihak berkuasa berkenaan Negara asing yang ditetapkan; atau
- (b) oleh pihak berkuasa berkenaan Negara asing yang ditetapkan kepada Menteri.

(2) Suatu permohonan bagi pemindahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis.

(3) Permohonan bagi pemindahan di bawah seksyen ini hendaklah disertakan dengan—

- (a) apa-apa dokumen yang dipersetujui oleh Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan bagi maksud itu; dan
- (b) apa-apa dokumen dan maklumat lain yang difikirkan berkaitan dengan permohonan itu dan yang boleh diberikan dengan sewajarnya.

### **Waran bagi pemindahan ke Malaysia**

**12.** (1) Menteri boleh, jika banduan itu layak untuk dipindahkan di bawah seksyen 6 dan syarat pemindahan di bawah seksyen 7 telah dipenuhi, mengeluarkan waran bagi pemindahan dalam borang yang ditetapkan oleh Menteri yang memberangkan pemindahan banduan itu dari Negara asing yang ditetapkan itu ke Malaysia.

(2) Waran bagi pemindahan ke Malaysia memberangkan pemindahan banduan dari Negara asing yang ditetapkan ke Malaysia untuk meneruskan penjalanan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara mengikut triti atau perjanjian lain antara Malaysia dan Negara asing yang ditetapkan itu.

(3) Jika banduan itu dilepaskan atas parol, waran bagi pemindahan ke Malaysia hendaklah menyatakan apa-apa tatacara bagi pemindahan itu yang telah dipersetujui dengan Negara asing yang ditetapkan dan pemberian kuasa serta arahan yang perlu.

(4) Ketua Pengarah Penjara hendaklah mempunyai kuasa bagi menahan banduan dalam penjara untuk tempoh yang dinyatakan dalam waran bagi pemindahan ke Malaysia.

### **Pendaftaran waran atau perintah yang dikeluarkan di Negara asing yang ditetapkan**

**13.** Jika, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Negara asing yang ditetapkan, suatu mahkamah atau suatu tribunal telah mengeluarkan waran bagi pelaksanaan suatu hukuman pemenjaraan atau suatu perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah yang mengenakan suatu tempoh pemenjaraan, ke atas seseorang banduan, Hakim Mahkamah Sesyen di Malaysia hendaklah mendaftarkan waran atau perintah itu, dan waran atau perintah itu bolehlah selepas itu dilaksanakan terhadap banduan itu seolah-olah waran atau perintah itu dikeluarkan secara sah di bawah undang-undang Malaysia.

BAHAGIAN V

PENGUBAHAN DAN PEMBATALAN WARAN

**Pengubahan waran bagi pemindahan**

**14.** Menteri boleh, melalui suatu waran bagi pemindahan kemudiannya, mengubah mana-mana waran bagi pemindahan terdahulu yang dikeluarkan dibawah subseksyen 10(1) atau 12(1).

**Pembatalan waran bagi pemindahan**

**15.** Menteri boleh, pada bila-bila masa sebelum banduan berkenaan dipindahkan, membatalkan waran bagi pemindahan banduan itu yang dikeluarkan di bawah subseksyen 10(1) atau 12(1) jika—

- (a) Menteri memikirkan bahawa adalah tidak wajar meneruskan pemindahan banduan itu;
- (b) Negara asing yang ditetapkan menarik balik keizinan bagi pemindahan itu; atau
- (c) banduan itu, jika dikehendaki untuk memberi keizinan menurut triti atau apa-apa perjanjian lain antara Malaysia dan Negara yang ditetapkan itu, atau mana-mana triti atau perjanjian lain yang Malaysia atau Negara yang ditetapkan itu menjadi pihak, menarik balik keizinan itu.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN HUKUMAN

**Penguatkuasaan hukuman**

**16.** Penguatkuasaan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang dikenakan ke atas mana-mana banduan yang dipindahkan ke Malaysia hendaklah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

**Tempoh yang dihabiskan dalam tahanan berkaitan dengan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara**

**17.** Apa-apa tempoh hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang telah dijalani atau disifatkan telah dijalani oleh banduan dalam Negara asing yang ditetapkan hendaklah dikira sebagai tempoh yang telah dijalani oleh banduan itu di Malaysia.

**BAHAGIAN VII****AM****Pengampunan, peringangan, dsb. hukuman**

**18.** (1) Berhubung dengan pemindahan banduan ke Malaysia, Akta ini tidak menyekat kuasa Negara asing yang ditetapkan untuk memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan atau peremitan, penggantungan atau peringangan hukuman itu, kepada banduan itu, mengikut undang-undang Negara asing yang ditetapkan itu.

(2) Jika Negara asing yang ditetapkan itu telah memberitahu Menteri mengenai keputusan untuk memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan atau peremitan, penggantungan atau peringangan hukuman itu, kepada seseorang banduan, Menteri hendaklah menguatkuaskan keputusan itu.

(3) Berhubung dengan sesuatu pemindahan banduan dari Malaysia, Akta ini hendaklah tidak menyekat kuasa untuk memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan atau peremitan, penggantungan atau peringangan hukuman itu, kepada banduan itu, mengikut undang-undang Malaysia.

**Kos**

**19.** Menteri boleh mendapatkan balik kos dan perbelanjaan yang dilakukan bagi pemindahan seseorang banduan.

## **Pewakilan**

**20.** (1) Menteri boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, mewakilkan kepada seseorang yang layak dan sesuai mana-mana kuasanya di bawah Akta ini kecuali kuasa pewakilan di bawah seksyen ini.

(2) Suatu pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Menteri sendiri daripada menjalankan mana-mana kuasa yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

## **Peraturan-peraturan**

**21.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

---

## HURAIAN

Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 yang dicadangkan ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk menyatakan pemakaian Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 3* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi mengisyitiharkan suatu Negara asing sebagai Negara asing yang ditetapkan.
6. *Fasal 5* menyatakan kelayakan banduan bagi pemindahan dari Malaysia jika banduan itu ialah warganegara atau mempunyai hubungan komuniti dengan Negara asing yang ditetapkan.
7. *Fasal 6* menyatakan kelayakan banduan bagi pemindahan ke Malaysia jika banduan itu ialah warganegara Malaysia.
8. *Fasal 7* mengandungi peruntukan tentang syarat bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan kuasa Menteri untuk menolak permohonan pemindahan itu.

9. *Fasal 8* mengandungi peruntukan mengenai pertimbangan awal berhubung dengan suatu permohonan untuk memindahkan banduan dari Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan.
10. *Fasal 9* mengandungi peruntukan mengenai permohonan untuk memindahkan banduan dari Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan.
11. *Fasal 10* menetapkan tatacara bagi pengeluaran waran bagi pemindahan banduan dari Malaysia.
12. *Fasal 11* mengandungi peruntukan bagi permohonan untuk memindahkan banduan ke Malaysia dari Negara asing yang ditetapkan.
13. *Fasal 12* menetapkan tatacara bagi pengeluaran waran bagi pemindahan banduan ke Malaysia.
14. *Fasal 13* mengandungi peruntukan bagi pendaftaran waran atau perintah yang dikeluarkan di Negara asing yang ditetapkan bagi maksud penguatkuasaan di Malaysia.
15. *Fasal 14* memberi Menteri kuasa untuk mengubah mana-mana waran bagi pemindahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 10(1) atau 12(1) Akta yang dicadangkan.
16. *Fasal 15* memberi Menteri kuasa untuk membatalkan mana-mana waran bagi pemindahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 10(1) atau 12(1) Akta yang dicadangkan jika Menteri berpuas hati bahawa keizinan Negara asing yang ditetapkan telah ditarik balik atau jika adalah tidak wajar untuk memindahkan banduan itu atau jika ada kehendak untuk banduan itu memberi keizinan, keizinan itu telah ditarik balik.
17. *Fasal 16* memperuntukkan bahawa penguatkuasaan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang dikenakan ke atas mana-mana banduan yang dipindahkan ke Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
18. *Fasal 17* menyatakan bahawa tempoh hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang telah dijalani oleh banduan di Negara asing yang ditetapkan hendaklah dikira sebagai tempoh yang telah dijalani di Malaysia.
19. *Fasal 18* memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan tidak menyekat kuasa Negara asing yang ditetapkan untuk memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan atau peremitan, penggantungan atau peringangan hukuman itu, kepada banduan itu, selepas dipindahkan ke Malaysia dan begitu juga sebaliknya.
20. *Fasal 19* memberi Menteri kuasa untuk mendapatkan balik kos dan perbelanjaan yang dilakukan bagi pemindahan seseorang banduan.
21. *Fasal 20* memberi Menteri kuasa untuk mewakilkan kuasanya di bawah Akta yang dicadangkan kepada orang yang layak dan sesuai.

22. *Fasal 21* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta yang dicadangkan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>) 2764]